

P. Ramlee

Yang Terbayang di Mata dan Terlekat di Hati

Itulah hakikatnya! Sekalipun insan seni ini telah berpuluh-puluh tahun meninggalkan kita, bayangan wajah, senyum tangis dan senda gurauannya, serta suara dan lagu nyanyianya terbayang di mata, terngiang-ngiang di telinga, dan sentiasa dekat dan terlekat di hati kita.

Filem komedinya tetap mengundang ketawa. Filem dramanya tetap meruntun jiwa dan menitikkan air mata penontonnya sekalipun beratus-ratus kali diulang dan ditonton. P. Ramlee itu hanya satu, tiada dua

dan tiada tiganya. Banyak orang yang cuba meniru gelagat gaya dan suaranya, namun yang hilang tidak juga berganti dan yang patah tidak juga tumbuh lagi. Yang meniru ialah peniru dan tidak akan menyamai tuan yang empunya diri yang asli!

Yang tumbuh dan berganti tetap berbeza sekalipun diakui bahawa ada serba sedikit persamaan. Kata Ahmad Daud dalam *P. Ramlee Seniman Agung* tulisan Ahmad Idris, "... bagi saya P. Ramlee tidak ada penggantinya." Tambah Ahmad

Nawab dalam buku yang sama, "...tidak ada seorang pun seniman dalam negara kita yang berkeupayaan seperti P. Ramlee."

Filem tragedi kemasyarakatannya yang menyentuh perasaan dan kekal dalam ingatan dan diulang tayang dan berulang-ulang ditonton ialah *Penarik Becha* (1955), *Anakku Sazali* (1956), *Semerah Padi* (1956), *Antara Dua Darjat* (1960) dan *Ibu Mertuaku* (1962). Filem komedi yang kekal mencuit hati ialah *Bujang Lapok* (1957), *Pendekar Bujang Lapok*

(1959), *Nujum Pak Belalang* (1959), *Musang Berjanggut* (1959), *Ali Baba Bujang Lapok* (1960), *Seniman Bujang Lapok* (1961), *Labu dan Labi* (1962), *Nasib Si Labu Labi* (1963), *Tiga Abdal* (1964) dan *Madu Tiga* (1964).

P. Ramlee dibantu oleh banyak bintang lain yang berbakat, seperti Aziz Sattar, S. Samsuddin, Udo Omar, Ahmad Nesfu dan M. Zain. Di tangannya, bintang yang berbakat ini menjadi cemerlang. Kekuatan orang lain turut menjadikan bakat dirinya lebih terserlah dan gemilang. Gandingan itulah yang menjadikan komedinya lebih mencuit hati dan dramanya lebih menyentuh perasaan. Bintang yang berulang dalam filem



arahannya membuktikan nilai persahabatan, kesetiakawanan, serta hubungan yang erat, seperti sebuah keluarga besar.

P. Ramlee sebagai Teraju Utama

P. Ramlee mencipta istilah "teraju utama" dan istilah itu merujuk dirinya, terutama sebagai pengarah filem. Memang dia menerajui hampir setiap aspek dalam pembikinan sesebuah filem: menyediakan skrip penggambaran, mengarah, berlakon, mencipta lagu, dan sekali gus menyanyikannya dan barangkali turut memberikan idea tentang sudut kamera dan pilihan syot dalam proses penyuntingan. Dialah teraju utama.

Namun demikian, sebagai teraju utama atau pemimpin, mesti ada pasukan yang mahu diterajui atau dipimpin. Maka dia turut percaya dengan kerja berpasukan. Dia membuktikan melalui filem arahannya bahawa sebuah pasukan perlu dipimpin dengan sempurnanya agar menimbulkan kesan yang mendalam. Setiap ahli dalam pasukan perlu memberikan yang terbaik bagi melonjak nama dan kedudukan "teraju utama" itu.

P. Ramlee memerlukan bahan terbaik daripada manusia

sekelilingnya. Merekalah yang memberinya cerita, lirik dan lagu. Dia mempunyai Omar Rojik dan Ahmad Nesfu yang memberikan cerita filem yang menarik; S. Sudarmaji, Jamil Sulong, H. M. Rohaizad, Kassim Masdor, Yusnor Ef, dan Ainol Jamal yang menghasilkan lirik lagu yang puitis dan penuh erti; dan pemuzik handalan, seperti Yusof B., Osman Ahmad dan Kassim Masdor

Filem arahan P. Ramlee pada zaman Malay Film Productions Ltd. di Singapura memang sangat terkesan dan melekat di hati. Dia menerajui barisan pelakon atau pasukan yang mantap hampir dalam semua aspek produksi. Daripada hasil yang dapat dilihat dan dirasakan, dia sangat mengutamakan kerja berpasukan dan menuntut sumbangan yang terbaik daripada setiap manusia yang bekerja di bawah arahannya.

Kekuatan dirinya sebagai pelakon diperkuat oleh bintang pilihan yang mempunyai bakat cemerlang. S. Kadarisman menjadi pelakon watak yang hebat di bawah arahan P. Ramlee. Dia Engku Mukri yang sangat dibenci dalam *Antara Dua Darjat*, tetapi dia menjadi begitu lucu dalam *Ali Baba Bujang Lapok* dan abang yang dungu



dalam *Tiga Abdul*. Haji Mahadi, yang begitu serius, turut boleh didungukan oleh P. Ramlee dalam *Tiga Abdul*. Udo Omar ialah Haji Bakhil yang mencuit hati dengan air muka dan gaya kedekutnya dalam *Labu dan Labi*. Ahmad Nesfu pula hidup sebagai watak komik, dramatik, dan keluarbiasaan yang tidak terfikir oleh akal dalam *Penarik Becha, Pendekar Bujang Lapok, Ibu Mertuaku dan Tiga Abdul*.

P. Ramlee juga memerlukan teman sampingan yang layak menandingi kelucuannya atau menjadikan dirinya lebih menyerlah. Dia mempunyai Aziz Sattar dan S. Samsuddin, kemudian M. Zain, dan dilanjutkan dengan A. R. Tompel dan Ibrahim Din. Dalam *Madu Tiga*, dia memberikan peranan ini kepada Mohd. Rafi dan Ahmad Nesfu.

P. Ramlee menerajui barisan pelakon atau pasukan yang mantap hampir dalam semua aspek produksi. Daripada hasil yang dapat dilihat dan dirasakan, dia sangat mengutamakan kerja berpasukan dan menuntut sumbangan yang terbaik daripada setiap manusia yang bekerja di bawah arahnya.

P. Ramlee Berfikir di Luar Kotak

P. Ramlee sudah lama berfikir di luar kotak pemikiran biasa. Dia sudah pergi lebih jauh daripada sebilangan pembuat filem pada zamannya, bahkan pada zaman ini. Kerana itulah jenaknya menjadi luar biasa oleh sebab situasi yang tidak diduga. Perhatikan kumpulan perompak dalam *Ali Baba Bujang Lapok* dengan pakaian berbagai-bagai ragam, dibayar gaji bulanan dan diberi cuti. Lihat pula bapa mentua dalam *Madu Tiga* yang mengurus dan mengatur kehidupan menantu dengan tiga orang isteri, tuk nujum kaki kelentong dalam *Nujum Pak Belalang*, dan tiga orang pemuda yang terpinga-pinga dibawa masuk ke set penggambaran di studio dalam *Seniman Bujang Lapok*.

P. Ramlee istimewa kerana mencipta watak yang terbalik atau watak di luar jangkaan. Inilah yang menariknya. Lihat watak bapa mentua dalam *Madu Tiga*. Lazimnya dalam cerita biasa, si bapa mentua akan sentiasa melindungi anaknya sendiri dan jarang-jarang sekali dia mahu menyebelahi menantu, apalagi melindunginya. Namun demikian, Ahmad Nesfu, sebagai bapa mentua Jamil dalam *Madu Tiga*, merestui menantunya berkahwin lagi, bahkan dia yang bertindak mengatur giliran yang diistilahnnya sebagai hukuman kepada semua isteri menantunya.

Kebijaksanaan inilah yang membuatkan watak dan cerita filem arahan P. Ramlee menarik, lucu, dan mencuit hati. Bayangkan dua orang madu berjumpa di kedai emas dan melepaskan geram dan marah masing-masing dengan bersuara lembut, seolah-olah mereka sedang berbual-bual mesra semata-matanya kerana adanya

pihak ketiga bersama-sama mereka, tanpa mereka menyedari bahawa orang ketiga itu juga madu mereka.

Ibu Mertuaku ialah cerita yang berpunca daripada segala tindakan Nyonya Mansor, ibu Sabariah, apabila anaknya itu mengahwini Kassim Selamat, ahli muzik. Segala kerenah dan helah si ibu mentua inilah yang menjadikan kehidupan semua watak lain ditimpa bencana dan petaka, dan kesan yang paling tragis dihadapi oleh Kassim Selamat sendiri. Dua kali dia menjadi buta – pertama kali atas ketidakupayaannya menanggung derita kehilangan Sabariah dan kali kedua ketika dia mengambil keputusan sendiri kerana kecewa dengan sikap dan tindakan penipuan manusia di sekelilingnya.

Ada pihak yang mempersoalkan tentang sebab sudu dan garpu terlekat di dinding bilik. Keadaan ini jarang-jarang berlaku. Namun begitu, jika orang kaya membeli set sudu garpu dari gedung besar dengan jenama mahal, pembungkusan itu sendiri sangat cantik dan istimewa sehingga dia, dan mungkin kita, berasa sayang untuk membukanya, apalagi menggunakannya.

Nilai kekeluargaan dan kemasyarakatan dalam keluarga Melayu memang sentiasa menghormati dan mendahulukan tetamu dan orang luar daripada keluarga sendiri. Banyak perumpamaan Melayu yang membuktikan hakikat ini: dagang lalu ditanakkan suami pulang kelaparan atau kera di hutan disusui anak diriba kehausan. Berkunjunglah ke rumah orang Melayu pada bila-bila masa sekalipun lewat malam, tetamu akan dihidangi bukan sahaja minuman, tetapi juga nasi dan lauk segera (telur atau ikan kering

goreng). Tetamu juga boleh bermalam sekalipun tidur di serambi atau ruang tamu. Mereka sangat akomodatif sifatnya.

Begitu juga falsafah dan pegangan hidup orang Melayu apabila mengahwinkan anak. Menantu akan diterima sebagai anak sendiri dan jika berlaku perselisihan faham antara anak dengan menantu, ibu bapa Melayu akan menyebelahi orang luar atau menantu. Si anak akan sentiasa disalahkan. Hal inilah yang digunakan oleh P. Ramlee dan dengan kebijaksanaannya, dia memberikan “keterbalikan” intepretasi dengan lebih-lebihkan sesuatu perkara dan situasi sehingga peringkat yang sangat melucukan.

P. Ramlee yang Sinis

Dalam filem *Ali Baba Bujang Lapok*, terdapat kumpulan penyamun yang terdiri daripada berbagai-bagai ragam manusia yang mewakili berbagai-bagai kerjaya atau kedudukan – ada yang berpakiaian tentera, hakim, doktor dan peguam. Dia seolah-olah mahu memberitahu kita bahawa golongan yang berkedudukan baik dalam masyarakat ini tidak semestinya terdiri daripada manusia yang baik-baik yang boleh dipercayai 100 peratus. Mereka juga mungkin bertindak secara bertentangan dengan keadaan zahir diri mereka yang kelihatan baik itu.

Kumpulan penyamun dalam *Ali Baba Bujang Lapok* ini bernyanyi dengan lirik yang sangat menarik: “Kamilah penyamun di dalam ini negeri – kerja merompak, mencilok dan mencuri.” *Kamus Dewan* memberikan pengertian samun sebagai perampasan dengan paksa, sementara mencilok ialah mencuri, dan kita tahu bahawa

kecurian boleh dibuat tanpa paksaan kerana selalunya dilakukan secara sembunyi. P. Ramlee seolah-olah memberikan gambaran bahawa golongan yang kelihatan gah ini juga sebenarnya boleh menyamun dan mencuri.

Dalam *Ali Baba Bujang Lapok* juga, P. Ramlee secara halus menasihati kita bahawa ketika menjalani kehidupan, kita jangan bersifat tamak, mengambil biar berpada, dan jangan ada sifat dengki. Secara langsung, dia turut menggambarkan betapa kumpulan perompak yang menjadi pak turut itu juga boleh menjadi begitu bodoh apabila beramai-ramai merompak sebuah rumah kecil (tandas) tanpa sebarang soal jawab lebih dahulu.

P. Ramlee yang Marhaen

P. Ramlee sangat berempati dengan golongan marhaen atau petani, nelayan, buruh atau golongan pekerja. Dia kelihatan kurang selesa dengan golongan kaya, mewah atau berada. Konflik ini jelas terlihat dalam *Antara Dua Darjat dan Ibu Mertuaku*. Jika golongan berstatus tinggi digambarkan dalam filemnya, kehidupan mereka diperlihatkan penuh dengan kepalsuan, kepura-puraan atau penipuan.

Filem P. Ramlee mendekati dan memaparkan golongan anak muda pada zamannya yang sentiasa menghadapi kepayahan hidup. Manusia biasa yang cuba mencari ruang di tengah kehidupan kota. Mereka berkongsi untuk menyewa bilik, hidup dan bekerja seadanya. Permasalahan ini masih relevan sehingga hari ini, tetapi dalam



cara, gaya, rentak, dan warna yang berbeza. Intipatinya sama – mereka semuanya sesak nafas atau perit dan tiada kelegaan hidup, seperti sebilangan masyarakat atasan di sekeliling kehidupan mereka. Perbandingan darjat, martabat, atau dalam istilah hari ini, tahap sosioekonomi, jauh berbeza. Sampai hari ini, masyarakat kita masih tetap mengalami fenomena *Antara Dua Darjat dan Ibu Mertuaku*.

P. Ramlee seniman pemikir yang tidak mengendahkan dunia kemewahan yang sebetulnya dapat dinikmati pada zamannya. Seniman digelar wanita: anak dara, isteri orang, janda. Kerap kali nasib tidak menyebelahinya. Watak filem yang dilakonkannya itulah lurah kehidupan yang dilaluinya: perkahwinan yang tergendala, keperitan hidup, peluang yang terlepas dan bermacam-macam lagi.

Dalam *Antara Dua Darjat*, P. Ramlee menggambarkan golongan



aristokrat Melayu bergelar tengku dan kehidupan dengan segala rupa hipokrasi yang akhirnya turut menjerat dan memporak-porandakan kehidupan dan hubungan kekeluargaan mereka apabila anak menyedarinya. *Ibu Mertuaku* juga mempertemukan konflik antara dua golongan yang berbeza tingkat sosioekonominya.

Ibu Mertuaku menyenaraikan perbezaan darjat dalam masyarakat Melayu bandar yang sangat ketara. P. Ramlee meletakkan muzik sebagai punca segala kejadian tragis yang membaluti keseluruhan cerita *Ibu Mertuaku*. Nyonya Mansor janda kaya yang tidak pernah dilihat meminati muzik dan baginya, pemain muzik bukanlah daripada golongan berstatus tinggi yang mampu menjamin masa hadapan dengan kehidupan yang mewah untuk anak gadisnya. Katanya, pantang datuk neneknya apabila mendengar orang yang disebut sebagai pemuzik.

Pertembungan nilai antara masyarakat Melayu desa (tradisional) dengan masyarakat Melayu bandar (moden) menjadi subjek garapan P. Ramlee dalam filem genre dramanya. Masyarakat Melayu bandar digambarkan sebagai golongan yang berjaya dalam kehidupan mereka dan kemewahan hidup itu turut menjadikan mereka sebagai golongan yang bersifat kebaratan yang asing daripada amalan atau



kelaziman hidup masyarakat desa. Mereka menjadi sangat moden dengan gaya hidup yang turut dilengkapi hiburan kelab malam bersama-sama wanita moden yang tidak terikat dengan apa-apa batasan. Golongan ini boleh sahaja memilih pasangan hidup mereka sekalipun daripada kelas sosial yang lebih rendah kerana kehidupan bandar mereka tidak pernah disoal siasat oleh mana-mana ahli keluarga yang berkunjung ke rumah.

P. Ramlee sebagai Pengarah Pilih Watak

P. Ramlee ialah pengarah pilih watak yang bijak. Dia pandai membuat pemilihan pelakon bagi menghidupkan setiap watak dalam filem arahnya. Dalam filem pertama arahnya, *Pemarik Becha*, dia memilih Salleh Kamil sebagai watak antagonis yang berhadapan

dengan dirinya sebagai watak utama. Kehebatan pertentangan (konflik) ini dilanjutkan dalam *Sergeant Hassan*, arahan Lamberto Avellana. Kemudian dalam *Sumpah Orang Minyak*, dia sudah tidak teragak-agak lagi memberikan watak

antagonis kepada Salleh yang dilakukan dengan begitu berkesan sebagai penyangk yang sentiasa mengganggu watak Si Bongkok lakonan P. Ramlee dengan berbagai-bagai usikan dan ejekan.

Semua artis wanita yang berpasangan dengannya cemerlang. Dia mengenali bakat alam yang dimiliki oleh setiap artis itu dan memberikan ruang dan kesempatan daripada hanya watak pembantu kepada watak utama. Roseyatimah diperkenalkan dalam *Pendekar Buiang Lapok* sewaktu gadis manis itu baru menjejak usia 16 tahun.

Sarimah yang masih mentah dalam bidang lakonan pergi ke Singapura mengikut suaminya yang bertugas sebagai penolong pengarah; diperkenalkan dalam *Ali Baba Bujang Lapok*. Sarimah menjadi pasangan yang sangat serasi dalam *Labu dan Labi*, *Madu Tiga*, *Tiga Abdul* dan *Ibu Mertuaku*. Seniwati Saadiah bermula dengan *Penarik Becha*, *Antara Dua Darjat*, *Semerah Padi*, dan menjadi sangat menguja dalam *Musang Berjanggut* bersama-sama P. Ramlee.

Seorang lagi pelakon yang bakatnya digilap oleh P. Ramlee ialah M. Zain. Dalam *Ibu Mertuaku*, M. Zain diberi watak kecil sebagai Abang Ali, tuan punya rumah tempat Kassim Selamat menyewa bilik – mula-mula di atas sehingga turun ke kolong bawah rumah. Dalam *Seniman Bujang Lapok*, M. Zain suami pasangan India jiran sebelah rumah yang sentiasa bergaduh. Sekalipun

muncul dalam hanya satu adegan, wataknya sangat terkesan. Dalam *Labu dan Labi* dan kemudian sekuelnya *Nasib Si Labu Labi*, M. Zain menjadi pasangan P. Ramlee sebagai orang gaji Haji Bakhil yang sangat serasi dan keselapannya. Adegan sebagai pasangan Nama dan Aci, yang menyanyikan dan menarikan lagu *Acı-Aci Buka Pintu*, menjadi adegan yang tidak jemu ditonton beratus-ratus kali. M. Zain memberikan komitmen terbaik dan sekali gus mengangkat dan menyetarai P. Ramlee.

Kegagalan P. Ramlee sebagai Pengarah Kita!

Mengapakah kita gagal belajar daripada P. Ramlee? Hal ini berlaku barangkali kerana kita terlalu mengaguminya. Dia begitu besar dan kebesaran itu tidak tercapai oleh orang lain selepasnya. Oleh besarnya dia, kita tidak lagi melihat cacat celanya. Kesilapannya menjadi kabur di mata kita, kelemahannya menjadi alasan untuk meniadakkannya.

Patah tumbuh hilang berganti. Itu harapan kita. P. Ramlee mahu dicarikan penggantinya. Mungkinkah ada pengganti? Mengapakah kita sibuk mahu mencari pengganti? Perlu kah P. Ramlee digantikan? Soalnya bukan mencari pengganti, tetapi kita mahu mencari seniman yang hebat atau lebih hebat daripada P. Ramlee. Dalam hal ini, soalnya bukan mencari pengganti yang menyamai P. Ramlee kerana dia itu hanya seorang dan tidak akan mungkin wujud seorang lagi P. Ramlee.

Persoalan yang paling utama ialah kita mengkaji apa-apa sahaja kerja yang telah dihasilkan oleh P. Ramlee. Kemudian kita bertanya akan sebab karyanya begitu.

Mengapakah sambutanannya hebat? Di manakah kehebatannya? Di manakah kelainannya? Di manakah pula kekuatan dan kelemahannya? Kita boleh belajar bukan sahaja daripada kekuatan P. Ramlee, tetapi juga kelemahan dan keselapannya. Kita boleh sahaja mengulang kejayaan, tetapi kekurangan dan kelemahan seharusnya menjadi sempadan yang tidak perlu diulangi. Tindakan mempelajari kekurangan, kesilapan, dan kelemahan orang lain memang perkara yang baik kerana kita akan berusaha melarikan diri daripada mengulangnya. Setidak-tidaknya kita sudah diberitahu akan sesuatu yang negatif.

Betapa P. Ramlee menyedari bahawa filem ialah cerita tentang berbagai-bagai ragam manusia yang saling berhubungan dan kait-mengait ketika menjalani kehidupan. Keadaan sosial masyarakat kelas bawahan dan perbezaan sosioekonomi berbanding dengan kelas atasan boleh menjadi kajian dan bahan yang berterusan. Dia juga menyedari bahawa watak hero yang dibawanya, sama ada dalam genre drama ataupun komedi, memerlukan sokongan daripada watak lain untuk berdiri dengan gagahnya.

Filem P. Ramlee klasik. Filemnya kekal sepanjang zaman kerana apa-apa yang diceritakannya adalah tentang manusia dan permasalahan kehidupan dan kisah ini akan kekal sampai bila-bila. Barangkali yang berubah ialah persekitaran, tetapi tabiat dan sikap baik dan buruk manusia kekal.

P. Ramlee di Kuala Lumpur

Di Studio Merdeka Kuala Lumpur, dunia yang membendung

keaktivitinya jauh berbeza. Sewaktu di Malay Film Production Ltd. Singapura, P. Ramlee tidak dihibat oleh sebarang tuntutan sosial dan politik. Di Kuala Lumpur, dia terjebak dalam politik perpaduan kaum yang cuba dilauangkan oleh pemerintah selepas 13 Mei 1969. Filemnya cuba mendekati permasalahan rakyat berbilang kaum dan cuba memberikan formula penyatuan atau perpaduan. Hal ini kelihatan dibuat-buat atau diada-adakan, tidak alamiah, dan tidak bergerak atas landasan kemanusiaan yang terlihat secara tidak sengaja.

Kegagalan 18 buah filem arahnya di Studio Merdeka menjadi bukti betapa kreativiti seniman sehebat dan sebesar P. Ramlee tidak boleh dikacau ganggu dan dibebani oleh tugas dan tanggungjawab pihak pentadbiran awam, politik, dan obligasi sosial yang sengaja dirancang.

P. Ramlee tidak berkesempatan membuat filem dalam warna. Sewaktu Studio Merdeka mula membuat filem Melayu dalam warna, P. Ramlee sudah tiada. Namun begitu, filem hitam putih yang dibuatnya di Singapura ternyata mempunyai kualiti sinematografi yang cemerlang. A. Bakar Ali menjadikan *Sumpah Orang Minyak*, *Semerah Padi*, dan *Antara Dua Darjat* antara filem Melayu hitam putih yang sangat terkesan membantu bukan sahaja menghidupkan latar zamannya, tetapi juga menepati kedudukan sosioekonomi wataknya. P. Ramlee dalam bergaur dia mendidik, dalam ketawa dia menyengat, dalam hiba dia menikam jiwa. ⁰⁸